

RM10j kos baiki saliran Sungai Ramal

Oleh MUHAMMAD RIZANIZAM
ABDUL HAMID

Sebelum ini, rumah penduduk di Kampung Sungai Ramal Luar dan Kampung Sungai Ramal dilanda banjir setiap kali hujan lebat.

YAP PIAN HON
Ahli Parlimen
Serdang

KAJANG 4 Sept. - Para penduduk Kampung Sungai Ramal Luar dan Kampung Sungai Dalam, di sini menerima berita gembira apabila kerajaan telah memperuntukkan RM10 juta untuk menaik taraf saluran Sungai Ramal sekali gus menamatkan penderitaan banjir yang sering dialami mereka.

Kerja-kerja menaik taraf sungai sepanjang lapan kilometer itu telah bermula dari Kampung Sungai Ramal Luar, Kajang hingga ke Sungai Air Hitam, Bangi yang melibatkan 2.8 kilometer.

Projek tersebut telah dimulakan sejak Mei tahun lalu dan dijangka siap sepenuhnya pada November ini dan sehingga kini telah menelan kos bernilai RM8.7 juta.

Pelaksanaan projek tersebut diserahkan kepada kontraktor Sulaiman & Dayang Sdn. Bhd. (SDSB) merangkumi kerja-kerja mendalam melebarkan sungai, termasuk tebing sungai yang ditambah dengan batu dilitupi rangka dawai khas bagi menghalang hakisan tanah.

Ahli Parlimen Serdang, Datuk Yap Pian Hon berkata, sebelum ini, rumah penduduk di Kampung Sungai Ramal Luar dan Kampung Sungai Ramal sering dilanda banjir setinggi satu meter setiap kali hujan lebat.

"Objektif utama projek naik taraf sungai ini ialah bagi mengatasi masalah banjir di dua kampung tersebut dan sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup penduduk berhampiran.

"Sebenarnya, projek ini dirancang pada Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) tetapi kerana peruntukan yang tidak mencukupi pada masa itu, ia terpaksa dibawa ke RMK-9," katanya.

Jelasnya, projek tersebut melibatkan pengambilan 41 lot tanah penduduk dan sehingga kini semua pemilik tanah telah bersetuju membenarkan projek itu dilaksanakan terlebih dahulu, sementara menunggu keputu-

san penilaian tanah dari pejabat tanah.

Pian Hon berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Program Lawatan Kerja Setengah Hari Projek Menaik Taraf Sungai Ramal, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor, baru-baru ini.

Turut hadir ialah Pengarah Tebatan Banjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Ir Abd. Rahim Kaparawi, Pengarah JPS Selangor, Ir. Lee Loke Chong dan Pengerusi Eksekutif SDSB, Wan Indra Putra Ahmad.

Sementara itu Wan Indra Putra berkata, projek tersebut dijangka siap lebih awal daripada jadual yang ditetapkan.

"Projek ini mendahului empat peratus daripada jadual dan kami akan cuba menyiapkannya dalam masa 12 bulan berbanding 18 bulan tanpa mengetepikan aspek keselamatan dan kualiti pembinaan," katanya.



YAP Pian Hon (kiri), Abd. Rahim Kaparawi (tengah) dan Wan Indera Putra Ahmad meninjau projek menaik taraf Sungai Ramal, Kajang, Selangor, baru-baru ini.